

ROBERT KUOK
Chedet.cc
5 March 2018
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Ternampak marah sungguh UMNO kepada Robert Kuok kerana kononnya ia menghulur bantuan wang kepada DAP.
2. Undang-undang manakah yang dilanggar oleh Robert Kuok? Setakat yang saya tahu siapa sahaja boleh bantu mana-mana parti politik. Dahulu UMNO tidak pernah kutuk pembantu-pembantu mana-mana parti. Tetapi sekarang bantu UMNO dan BN boleh. Curi duit untuk pilihanraya pun boleh. Tetapi parti lawan tak boleh terima derma pun.
3. Untuk sekat parti lawan dari mendapat bantuan kewangan jentera Kerajaan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri dan badan pencegah rasuah diguna oleh UMNO dan Najib untuk ugut sesiapa yang mungkin bantu parti lawan. Mereka dipaksa bayar cukai pendapatan tambahan yang tidak sah, dituduh kononnya cuba bersih duit (money laundering) walaupun tidak ada bukti. Premis mereka digeledah, buku akaun dirampas. Pasport pun dirampas.
4. Tetapi duit 1MDB dan 2.6 billion Ringgit dalam akaun Najib yang dikatakan derma dari orang tidak disiasat, tidak dituduh salah. Sebaliknya A.G. dakwa tidak ada salahlaku oleh Najib.
5. Sekarang Expo diadakan oleh UMNO seluruh negara dengan rumah dan motorsikal sebagai hadiah nombor bertuah. Diadakan apabila pilihanraya dekat menjadikan agihan ini satu jenis rasuah. Tetapi tidak ada siasatan oleh MACC atau polis.

6. Rakyat, pengundi perlu sedar duit dan hadiah ini bukan dari UMNO atau Najib. Ada bukti yang duit ini diseleweng dari duit 1MDB. Duit Kerajaan juga terlibat. Peruntukan untuk Kementerian dan pentadbiran dipotong dan diguna untuk tumbuk rusuk pengundi.

7. Duit Kerajaan datang dari cukai ke atas rakyat – seperti GST umpamanya. Ini bermakna UMNO dan BN sapu duit cukai yang dibayar oleh rakyat untuk sogok rakyat. Ini adalah penipuan besar.

8. Rakyat boleh ambil balik duit mereka yang disalahguna oleh Najib dan UMNO. Tetapi jangan bagi undi kepada BN. Apa sebab kita nak terhutang budi apabila duit kita dibagi balik kepada kita.

9. Nampak jelas PAS pun terima duit dari Najib. Tanya Nik Abduh. PAS bertanding bukan untuk menang. PAS bertanding untuk tarik undi penentang UMNO supaya tidak pergi kepada PH.

10. PAS kafirkan UMNO. Kata PAS kalau bekerjasama dengan kafir akan jadi kafir. Sekarang kerjasama PAS dengan UMNO bukan untuk kemenangan PAS. Ia untuk kemenangan UMNO.

11. Kalau kerjasama dengan kafir jadi kafir, PAS jadi apa apabila tolong UMNO menang. Dahulu PAS kerjasama dengan DAP. Tahaluf Siyasi konon. Tukar perkataan Melayu kepada Arab tidak menjadi sesuatu yang salah tidak salah.

12. Jangan undi Bulan. Tolak kati (dacing) dan bulan untuk selamat negara. Dacing dan bulan adalah simbol penipuan.

18 thoughts on "ROBERT KUOK"

Log in to Reply HBT456 Mar 7,2018 10:06 AM

62. Jika perkerja rasa bos tu potong ini, potong itu dah terlampau kerana alasan bos adalah kerana government cut subsidi, mereka berhak terminate bos, dan cari kerja lain atau buat aduan kat opis labor.

63. Jangan lupa, ada mereka kerana berani, kuat bodek bos untuk naik pangkat dan dapat habuan, mereka boleh kata yang majoriti pekerja di bawah mereka merajuk atau malas kerana tidak dapat habuan.

64. Jika bos tu handal, with gst, they still do well.

65. Jika bos tu suka ambil kesempatan, with subsidy, they still cannot do well.

66. When kabinet dsn minta meningkatkan bajet government di parlimen, jangan lupa, pembangkang dengan sombongnya boycott by walking out of the parlimen.

67. I know general election would be called soon, therefore, a lot of hot air and noises made.

68. Some issues just need time.

69. Adakah cara strategi itu bersih atau kotor, itu terpulang kepada parti2 politik.

70. Islamic malaysia to raihkan undi?

71. Malaysian malaysia to raihkan undi?

72. Able or not, we will see how far kita semua can go.

73. Progress atau mundur, itu terpulang kepada cara atur kempen masing-masing.

74. Bak kata orang putih, there is no free lunch in this world.

Log in to Reply Anak.muda Mar 7,2018 2:02 AM

Assalamualaikum tun

1.saya ada terbaca mengenai komen2 pro-BN yang GDP Negara meningkat 5.9% jadinya mereka berkata Najib berjaya meningkatkan ekonomi negara.betulkah itu?

2.najib Tun Razak ni memang bodoh dan tak layak jadi perdana menteri.dia terlupa objektif utama kerajaan ialah berkhidmat untuk rakyat dan menyenangkan rakyat.

3. <https://m.malaysiakini.com/news/411197> .terbukti yang Najib Razak sudah gagal teruk untuk menyenangkan rakyat

4.bila dia potong semua subsidi dan mengenakan cukai tambahan pada rakyat sudah tentu pendapatan negara meningkat.

5.contohnya saya sendiri ada perniagaan.kalau saya kata saya nk pastikan setiap tahun keuntungan syarikat meningkat saya boleh buat dengan mengurangkan gaji pekerja,tidak memberi mereka elaun.sudah tentu keuntungan syarikat akan meningkat kalau macam tu.

6.kalau ikutkan pada hak saya memang sangat berhak berbuat macam tu sebab modal syarikat tu hasil dari duit saya dan bukan dari pekerja saya.tapi saya pun tak sampai hati nak berbuat begitu.

7.najib Tun Razak ni dapat duit hasil dari cukai rakyat.lepas tu tak nak menyenangkan rakyat.pergi bagi duit pada penyangak cina gemok jho Low beli kapal 1 bilion.

8.teringat saya pada dialog Ahmad Nisfu dalam cerita p Ramlee..ucapan saya khas kepada Najib: "kecil-kecil xnak mampos.dah besar menyusahkan orang"

Log in to Reply sibotak Mar 6,2018 11:19 PM

Najib kalau kasi dedak atau jagung ke

Kena Baca Bismillah , rebus masak betul betul

Lepas tu Bedal je lah

Kita Berak kan Najib balik

Tak payah undi BN

Jika kita undi BN kerana di beri Dedak

Serupalah kita macam Ayam Inject

Kita Ayam Kampung Dusun

Kita Ayam ada Ego & Moral

Nascaya Najib akan gunakan banyak wang Negara , wang Rakyat

Untuk memancing Undi

Serupa Najib mementingkan diri sendiri

Mengambil Kesempatan Duit Rakyat

Yg seharusnya bolih di peruntukan untuk Ketenteraan , Kebajikan , Persekolahan dan pelbagai lagi . Daripada duit ini dibuang begitu saja hanya untuk kepentingan Najib

Lainlah kalau duit ini duit Bapa Najib

Bolihlah kita sendiri tahu menghargai nya

Ini duit kita punya , kita kasi dia 10 ringgit dia kasi kita balik 20c

Ini serupa Sapi punya susu , Lembu punya nama

UMNO tidak seharusnya membiarkan Najib berterusan begini

Ini tanggung jawab UMNO sekerluarga

Jika ada yg Busuk , Harus di singkirkan

Jika tidak kesemuanya akan Busuk

Kentut Najib sudah kedengaran dan berbau satu Dunia

Cuma khairan AG Apandi masih asik menghidunya

macam Mad Gian

Log in to Reply Hajar Mar 6,2018 5:07 PM

Salam Yang Amat DiHormati dan DiSanjungi Tun,

1. Tentang Robert Kuok, beliau tetap dari kaum Cina, dan saya tidak perlu untuk beri komen spesifik tentang beliau. Saya faham sangat dengan perangai orang Cina, tidak kiralah dari parti MCA, Gerakan, mahupun DAP (etc.). Mereka semuanya sama spesis, dan ada kriteria² yang agak serupa. Perangai 'kiasu' memanglah sinonim dengan orang Cina. Mereka mana mahu beralah! Mesti hendak menang saja.

2. Kalaupun benar Mr. Kuok menyumbang kepada DAP, apa masalahnya? Itu hak dia. Apakah beliau TAKUT mendapat tempias buruk dari kecenderungan politik beliau (jika benar beliau condong kearah Pembangkang)? Mr. Kuok 'play safe' kah?

3. Cina Malaysia (kebanyakannya) amat pandai berpura-pura atau bersifat hipokrit (dari pemerhatian/pengalaman saya). Mereka suka bermuka-muka – mulut manis. Yang jadi ahli (aktif) dalam parti komponen BN pun tidak semestinya 'pangkah' BN semasa PRU. Tengok saja PRU-13. Mereka cuma memperguna DSN yang lemah untuk kepentingan sendiri.

4. Mereka ini sebenarnya kuat membodek (kalah lagi orang Melayu). terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan bisnes mereka. Yang dibodek mestilah orang Melayu yang ada kuasa (biasanya orang Kerajaan) untuk luluskan sebarang permohonan dan perkara2 berkaitan bisnes, atau untuk memudahkan urusan mereka.

5. Orang Melayu tidak ada banyak duit untuk lakukan 'bodekan tahap tertinggi'seperti orang Cina; kalau bagi ('hadiah / suapan') pun ciput saja. Sila lihat cara Low Taek Jho membodek – memang hebat 'hadiah-hadiah' beliau.

6. Agaknya siapalah yang paling banyak memberi RASUAH (suapan) di Malaysia ini?

7. Yang hairannya, dalam setiap skandal kewangan besar di Malaysia (seperti skandal 1MDB dan wang RM2.6 Billion dalam akaun PM Najib @ Ah Jib Gor), pasti ada orang Cina di belakangnya, yang sebenarnya cuma memperalatkan orang Melayu (dung*) yang ada kuasa untuk dapat untung besar. Boleh mewah sekelip mata...Kesian saya melihat kaum yang mendakwa mereka dilayan sebagai warganegara kelas kedua (ketiga?). Sentiasa berasa tidak cukup dengan apa yang mereka ada.

Terima kasih Tun.

– Semoga Allah SWT sentiasa merahmati Tun sekeluarga –

Log in to Reply Caleb Mar 6,2018 1:32 PM

Last I checked Malaysia is still a democratic country. All citizen can vote for any party, be it BN or DAP?? Nazri must have have missed something along the line & is out of line totally! I'd like to vote neither, cos all are the same

Log in to Reply musato Mar 6,2018 1:27 PM

Assalamualaikum Tun.

Saya tak tahu samada Najib akan istiharkan darurat atau tidak jika PH menang.

Tetapi setakat pengetahuan yang sampai kepada saya, saya memang takut dan mahu undur kebelakang, tetapi diisyaratkan bahawa tiada apa apa yang akan menyakiti kamu.

Saya bergerak kembali ke depan dan hanya memandang perlakuan yang menakutkan yang pastinya tiada kekuatan melainkan dengan izin Allah swt.

Benarkanlah peristiwa yang menimpa Nabi Yusuf a.s. Mimpi yang benar adalah antara sebahagian dari ilmu Allah swt.

Nabi dan Rasul Allah itu benar.

Terima kasih Tun.

Log in to Reply HBT456 Mar 6,2018 11:42 AM

50. Hate speech is the root cause of terrorism.

51. Itu terpulang kepada mereka yang tulis dan publish media statements.

52. Cakap serupa bikin?

53. Cakap tak serupa bikin?

54. Fake news?

55. Genuine news?

56. Itu terpulang kepada kemahiran mereka masing-masing.

57. There is no way we can stop general elections.

58. There is no way we can stop trades.

59. There is no way we can stop globalization.

60. Betul tetap betul.

61. Salah tetap salah.

Log in to Reply HBT456 Mar 6,2018 11:22 AM

47. Yes, customers always right.

48. The owners of the brands always have equal rights not to sell to customers that could cemar their brand and positioning.

49. When you are confused, you refer to the 5 prinsip rukun negara, you will be alright.

Log in to Reply amd trmz Mar 6,2018 11:18 AM

Demokrasi sudah mati

Buat NEJIB...

Ini negara demokrasi.. suka hati la mereka nak derma pada parti politik yg mereka suka. MCA pun kata begitu.

Kau dah apehal suruh macai2 kau macam robert kuok....

Kalau BN terima derma boleh pulak

Soalan untuk tun...

Ada kemungkinan ke tun, nejib isytiharkan darurat jika PH menang? Sebab MKN dibawah Perdana menteri?

Log in to Reply HBT456 Mar 6,2018 10:43 AM

43. Whats the point of having power and money when such issues affecting the lives of the public also tak nampak?

44. Whats the point of changing the perdana menteri when you yourself also having the same greed and fear just like them?

45. When bad things happened, they must be good reasons.

46. But, will they have the courage to admit first?

Log in to Reply HBT456 Mar 6,2018 10:29 AM

41. Apology or not, does it matter?

42. All lives matter.

Log in to Reply HBT456 Mar 6,2018 10:25 AM

35. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/03/06/jam-on-penang-bridge-following-tipper>

36. With so much mega property developments in the island of penang, you think the penang bridge could absorbed such weight?

37. I believe, the bridge built was to accomodate vehicles base on the population during that time.

38. Adakah perbuatan ini selamat?

39. Adakah perbuatan ini kafir?

40. Adakah perbuatan ini islam?

Log in to Reply HBT456 Mar 6,2018 10:06 AM

35. Bak kata orang putih, mind our own business.

36. Adakah itu islam atau kafir, itu terpulang kepada policy makers of the day.

37. Suka atau tidak, pilihan raya umum mesti akan dipanggil to get the mandate from the voters.

38. Whoever become the perdana menteri and form the kabinet, hakikatnya adalah sama saja.

39. Political stability?

40. Economical stability?

41. Social stability?

42. These 3 pillars cannot be seperated, therefore, no one knows what lies a head.

Log in to Reply HBT456 Mar 6,2018 9:17 AM

27. Moreover, this is not the first time.

28. Yesterday, they were enemies.

29. Today, they become friends.

30. The day after tomorrow, will they become enemies again?

31. With this kind of political environment, you rasa selamatkah?

32. Ini kali lah?

33. Takpa lah?

34. No worries, when the result of the general election is known, everyone will know what will happen in the next 5 years.

Log in to Reply HBT456 Mar 6,2018 9:00 AM

13. Betul, customers always right.

14. Musato, you rasa robin hood wujud?

15. Robbing paul to pay peter?

16. Robbing peter to pay paul?

17. Selamatkah?

18. Tepuk dadah?

19. Tanya selera?

20. Gentleman?

21. Samseng?

22. Cikgu kencing berdiri, murid kencing berlari.

23. Bak kata, leopard can never change its stripe.

24. Once bitten, twice shy.

25. When mps of the divides could be rigged, the ultimate result would be ultra, atau tidak kukuh.

26. Henceforth, general election must be called to get thd mandate from the voters.

Log in to Reply rimba.emas Mar 5,2018 10:18 PM

Salam Tun.

1. Maafiah Rimba Emas dapat tahu Robert Kuok dikata orang paling kaya di Malaysia kenapa bantu Parti -parti Politik malah ada yang hinanya kembali.

2. Adalah lebih baik dia bantu rakyat yang rata-rata pembeli gulanya.

3. ' Customer alwaist right ' kata orang putih. Bukan itu sahaja pembelilah yang menyebabkannya kaya.

4. Pelik memang pelik kadang-kadang pihak pengilang bagi sejumlah wang yang besar kepada artis-artis serta Parti-Parti. Bukannya cemburu tapi lebih pada yang berhak.

5. Bayangkan satu dua sahaja beli gulanya atau rakyat boikot gulanya apa akan jadi pada perniagaannya.

6. Rakyat yang tidak popular ini boleh kata sentiasa beli gula untuk bancuhan minumannya. Walau pun Robert Kuok sekali pun tidak pernah bagi sebagaimana di terima artis-artis dan pihak Parti.

7. Seorang rakyat bergaji kecil serta miskin masih beli gula untuk minumannya. Malah Robert Kuok tidak sekali pun bantu pembeli gulanya.

8. Sepatutnya orang susah inilah perlu di bantu untuk membolehkan beliau sentiasa dapat membeli gula. Malah baru-baru ini Kementerian Kesihatan telah iklankan keburukan gula kepada rakyat Malaysia. Namun ramai yang tidak dapat meninggalkan terus dalam penggunaan gula.

9. Kalau BR1M di katakan pengalok perniagaan runcit. Begitulah juga membantu pelanggan dengan sumber kewangan ibarat mengkayakan perniagaan gula.

10. Apa-apa pertolongan kepada rakyat seperti hapus GST adalah untuk mengurang beban kewangan rakyat. Bila rakyat berduit maka semua jualan peniaga akan dapat banyak jualan.

11. Perniagaan asasnya membantu pelanggan kita kalau berjuta jadi pelanggan kita tidakkah ia dapat mengkayakan seseorang seperti Robert Kuok ?.

Wallahua'lam.

Log in to Reply ismadi Mar 5,2018 3:00 PM

As Salam Tun Dr Mahathir,

1. Derma dari korporat dan individu kepada parti parti pembangkang seharusnya dibenarkan sekiranya wang derma itu adalah dari sumber yang bebas dari unsur unsur yang berkaitan rasuah atau wang cucian.
2. Taktik pulas tangan ini ternyata untuk melemahkan Pakatan Harapan kerana wang diperlukan untuk menggerakkan aktiviti aktiviti kempen dan logistik.
3. Sememangnya kita telah melihat bagaimana hadiah hadiah cabutan bertuah di Expo anjuran Kerajaan telah meningkat daripada basikal, kemudian motor, kemudian kereta dan kini rumah.
4. Ternampak unsur unsur rasuah tetapi mungkin tidak selagi dianjurkan oleh pihak Kerajaan yang mempunyai kuasa membelanjakan wang kutipan cukai daripada Rakyat.
5. PAS ternyata mengkhianati perjuangan Islam dengan beberapa kerat pemimpin mereka menerima wang dari UMNO seperti yang dituduh oleh Rewcastle Brown (Sarawak Report) di dalam pernyataan pembelaan diri terhadap saman YB Hadi Awang di dalam Mahkamah England.
6. Tidak ada usaha atau tindakan pihak SPRM dan Polis untuk menyiasat tuduhan yang berat ini yang dibuat oleh Rewcastle Brown.

7. Wang boleh mengubah pendirian PAS daripada menentang UMNO kepada menyokong UMNO.

8. Apakah teori Cash Is King semakin menjadi kenyataan? Dan tidak di sangka sangka yang terjun bersama sama UMNO ke lembah hina ini adalah parti yang mendakwa mereka mewakili Islam.

9. Sebenarnya, mereka lah yang telah mencemarkan Islam.

Wallahualam.

Terima kasih Tun.

Take care.

Wassalam.

Log in to Reply Walinong Sari Mar 5,2018 12:30 PM

selamat berjuang Tun

© 2018 Chedet — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2794>